



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ATRIBUT PEMBELAJARAN NON-FORMAL DALAM KALANGAN
ORANG MELAYU DEWASA DI MALAYSIA**

ADANAN MAT JUNOH

FPP 2006 13



**ATRIBUT PEMBELAJARAN NON-FORMAL DALAM KALANGAN
ORANG MELAYU DEWASA DI MALAYSIA**

ADANAN MAT JUNOH

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2006



**ATRIBUT PEMBELAJARAN NON-FORMAL DALAM KALANGAN
ORANG MELAYU DEWASA DI MALAYSIA**

Oleh

ADANAN MAT JUNOH

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2006



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**ATRIBUT PEMBELAJARAN NON-FORMAL DALAM KALANGAN
ORANG MELAYU DEWASA DI MALAYSIA**

Oleh

ADANAN MAT JUNOH

Ogos 2006

Pengerusi : Profesor Hajah Mazanah Muhamad, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan mengenalpasti atribut pembelajaran non-formal dalam masyarakat di kalangan orang dewasa di Malaysia berpandukan soalan berikut: (1) Apakah profil pelajar dewasa yang menyertai pembelajaran non-formal? (2) Apakah atribut pembelajaran non-formal? (3) Mengapa orang Melayu Islam menyertai pembelajaran non-formal? (4) Mengapa penduduk luar bandar menyertai pembelajaran non-formal? (5) Mengapa agama merupakan kandungan utama bagi pembelajaran non-formal? dan (6) Mengapa masjid menjadi tempat utama bagi pembelajaran non-formal?

Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif berdasarkan reka bentuk pelbagai kaedah secara berturutan. Kaedah kuantitatif khusus



untuk menjawab persoalan satu dan dua, manakala kaedah kualitatif untuk soalan tiga hingga enam. Sampel bagi fasa kajian kuantitatif berjumlah 3000 orang terdiri daripada individu berumur dua puluh satu tahun ke atas. Empat negeri iaitu Kedah, Selangor, Melaka dan Terengganu dipilih sebagai lokasi kajian. Pengumpulan data melalui temubual oleh *enumerator* dengan menggunakan borang soal selidik. Data dianalisis menggunakan program SPSS. Bagi fasa kualitatif, penyelidik menjalankan kajian kes di Kampung Kurnia, Kluang, Johor. Lapan responden dipilih menggunakan teknik persampelan *snowballing* telah ditemubual.

Kajian mendapati profil pelajar dewasa ialah orang Melayu Islam, duda atau janda, berusia pertengahan dewasa, masyarakat luar bandar serta golongan berpendapatan dan tahap pendidikan rendah. Penyertaan daripada lelaki dan perempuan adalah sama. Pelajar dewasa adalah mereka yang berminat terhadap pembelajaran dan penghargaan sendiri yang positif. Kandungan utama pembelajaran non-formal adalah agama. Rumah ibadat dikenalpasti sebagai tempat, pembiayai dan penganjur utama. Kebanyakan program pembelajaran dikendalikan secara percuma. Mendapatkan ilmu pengetahuan dan berkhidmat kepada masyarakat merupakan tujuan utama penyertaan. Masalah pembelajaran paling utama adalah kekangan kerja dan masa.

Berdasarkan kajian kes, penyertaan orang Melayu Islam dan penduduk luar bandar dipengaruhi oleh agama, nilai, dan budaya. Agama menjadi

kandungan utama bagi pembelajaran non-formal kerana memenuhi tuntutan agama dan rasa kekurangan ilmu agama. Masjid menjadi tempat utama bagi pembelajaran kerana pengaruh agama, nilai dan budaya di samping sebagai insititusi sosial penting dalam masyarakat.

Kajian ini merumuskan bahawa pelajar dewasa bagi pembelajaran non-formal terdiri daripada pelbagai latar belakang sosio-demografi. Atribut dan penyertaan dalam pembelajaran non-formal dipengaruhi oleh faktor kontekstual seperti agama dan budaya.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**ATTRIBUTES OF NON-FORMAL LEARNING AMONGST
MALAY ADULTS IN MALAYSIA**

By

ADANAN MAT JUNOH

August 2006

Chairman : Professor Hajah Mazanah Muhamad, PhD

Faculty : Educational Studies

The purpose of this study is to identify non-formal learning attributes in the community amongst adults in Malaysia guided by the following research questions: (1) What is the profile of adult learners? (2) What are the non-formal learning patterns? (3) Why do the Malay-Muslims participate in non-formal learning? (4) Why do rural community participate in non-formal learning? (5) Why is religion the main learning content? and (6) Why are mosques the main venues for learning?

The study combined quantitative and qualitative methods based on the sequential multi method design. Quantitative method was used specifically



for inquiring into first and the second research questions. Qualitative method was employed to address third to sixth research questions.

The quantitative sampling comprised of 3000 respondents aged twenty-one years old and above. Four states namely Kedah, Terengganu, Selangor and Melaka were selected as the locations of the study. Trained enumerators collected data using a set of questionnaire. The data were analyzed using the SPSS program. For the qualitative phase, the researcher conducted a case study at Kampung Kurnia, Kluang, Johor. Eight participants selected using the snowballing sampling technique were interviewed.

The study indicates that learners' profile is Muslim-Malay, non-married middle age, rural community, with lower education level and income. Participation by both genders is about the same. The learners possess a positive attitude towards learning and a high self-esteem. The study also shows that religion is the primary learning content and house of worship as the major learning site, provider and sponsor. Most non-formal learning is free. Majority of the learners spend one to two hours daily for their learning. Acquiring knowledge and serving the community are the primary motives participating in learning. Time and work constraints are the primary learning problem.

Based on the case study, participation of Malay-Muslims and rural community is influenced by the religion, values and culture. Religion becomes a major learning content to fulfill the religious obligation and inadequacy feeling of religious knowledge. The mosque is the main learning site because of the influence of religion, values and culture as well as being an important social institution.

The study concludes that adult learners for the non-formal learning come from various socio-demographic backgrounds. Attributes and participation in the learning influenced by contextual factors of religion and culture.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Syukur kehadiran Yang Maha Esa kerana dengan segala limpah kurnia dan dan barakah-NYA kajian ini dapat disiapkan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Prof. Dr. Hajah Mazanah Muhamad selaku pengerusi jawatankuasa pengajian atas segala nasihat, galakan dan tunjuk ajar yang diberikan. Kepada Prof Madya Dr. Haji Bahaman Abu Samah dan Dr Khairuddin Idris, selaku ahli jawatankuasa pengajian atas segala bimbingan berharga yang diberikan. Terima kasih juga kepada semua pensyarah di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan atas dedikasi dan sokongan sepanjang pengajian saya di UPM. Mereka semua adalah guru sepanjang hayat yang tak mungkin saya lupakan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Prof. Merriam dan Prof. Rowden dari Universiti Georgia, Amerika Syarikat atas pandangan dan nasihat semasa membina instrumen dan membuat persampelan bagi kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Madya Hjh Paimah Atoma yang banyak menyokong dan memberi galakan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan sejawat di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia UTM yang sering membantu terutamanya Pn. Aminah Ahmad Khalid dan En. Mohd Azhar Abd Hamid.



Saya tidak tahu bagaimana untuk mengucapkan terima kasih kepada isteri, Hasiah yang begitu sabar dan sentiasa menyokong sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih! Kepada anak-anak Nurul, Iman, Hafiz Ikmal dan Farhana yang sering ditinggalkan. Sesungguhnya, ini adalah sebahagian daripada pengorbanan kalian yang akan dihargai sepanjang hayat.

Buat 'mek' yang telah lama pergi, terima kasih kerana menjadi sumber inspirasi kepada kami anak-anak. Wawasan 'mek' bagaikan wawasan seorang cendekiawan tersohor walaupun tidak tahu membaca dan menulis. Moga-moga 'mek' bersemadi dengan aman di sana. Penghargaan juga buat ayah, abah (Hj Samsuddin) dan ma (Hajah Halimah) yang sentiasa mendorong 'amo' untuk belajar di peringkat yang tinggi.

Terima kasih juga kepada Jamal, Ustaz Zul, Zul MPOB, Mariah, dan Chris yang sentiasa memberi galakan. Semoga kalian semua berjaya dalam kerjaya dan kehidupan. Terima kasih.

Mudahan-mudahan usaha dan penyelidikan kerdil ini mendapat berakah daripada Allah S.W.T dan dicatat oleh malaikat sebagai ibadah.

Subhanallah Walhamdulillah. Amin.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Adanan Bin Mat Junoh telah mengadakan peperiksaan akhir pada 14hb Ogos 2006 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Atribut Pembelajaran Non-formal Dalam Kalangan Orang Melayu Dewasa di Malaysia” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Hajah Asma Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abu Daud Silong, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa dalam)

Haji Azahari Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa dalam)

Ibrahim Mamat, PhD

Profesor
Sekolah Pengajian Siswazah
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(Pemeriksa luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hajah Mazanah Muhamad, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Haji Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Khairuddin Idris, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 JANUARI 2007



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

ADANAN MAT JUNOH

Tarikh: 19 DISEMBER 2006



JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Malaysia Sepintas Lalu	7
	Sejarah Ringkas	7
	Geografi	9
	Demografi Penduduk	10
	Pernyataan Masalah	11
	Objektif dan Persoalan Kajian	14
	Kepentingan Kajian	15
	Andaian Kajian	17
	Skop Kajian	18
	Definisi Istilah	20
II	TINJAUAN LITERATUR	23
	Pengenalan	23
	Pembelajaran Dewasa	24
	Orang Dewasa	29
	Perubahan Orang Dewasa	30
	Tujuan Pembelajaran Dewasa	34
	Lokasi dan Bentuk Pembelajaran Dewasa	37
	Pembelajaran Formal	39
	Pembelajaran Non-formal	42
	Pembelajaran Informal	48
	Pembelajaran Dalam Masyarakat	53
	Model Penyertaan Dalam Pembelajaran Dewasa	57
	Teori Pembelajaran Dewasa	60



Profil Pelajar Dewasa	63
Jantina	64
Umur	66
Bangsa	69
Taraf Perkahwinan	70
Pekerjaan	71
Tahap Pendidikan	73
Lokasi Tempat Tinggal	75
Pendapatan	76
Atribut Pembelajaran	77
Kandungan	77
Tempat	79
Peruntukan Masa	80
Tujuan	81
Impak	84
Masalah	86
Sejarah Pembelajaran Non-formal di Malaysia, Orang Melayu, Agama Islam, Ilmu dan Masjid	89
Sejarah Pembelajaran Non-formal di Malaysia	89
Orang Melayu	92
Agama Islam dan Ilmu	93
Agama Islam, Orang Melayu dan Ilmu	96
Masjid	98
Ringkasan	100
III METODOLOGI	104
Pengenalan	104
Reka Bentuk Kajian	104
Kelebihan Menggabungkan Kaedah Kuantitatif dan Kualitatif	106
Model Gabungan	108
Rasional Menggabungkan Kaedah Kuantitatif dan Kualitatif	110
Bagaimana melaksanakan Gabungan	111
Fasa Pertama: Kajian Menggunakan Kaedah Kuantitatif	113
Penyelidikan Kuantitatif	113
Reka Bentuk Kajian Kuantitatif	114
Kerangka Kajian	115
Pembolehubah Kajian	117
Pembolehubah Bebas	117
Pembolehubah Bersandar	118
Populasi dan Persampelan	118
Populasi	118
Persampelan	119

Instrumen Kajian	123
Tahap I: Draf instrumen berasaskan literatur	124
Tahap II: Temubual	125
Tahap III: Kajian Pendahuluan	128
Tahap IV: Kajian Rintis	130
Tahap V: Pengesahan	132
Pengumpulan Data	133
Analisis Data	135
Fasa Kedua: Kajian Menggunakan Kaedah Kualitatif	138
Penyelidikan Kualitatif	140
Reka Bentuk Kajian	141
Lokasi Kajian Kes	141
Persampelan	143
Pengumpulan Data	145
Analisis Data	147
Kajian Rintis	149
Kesahan dan Kebolehpercayaan	150
Limitasi Kajian	151
Ringkasan	152
IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN
	154
Pengenalan	154
Keputusan Fasa Kuantitatif	154
Penyertaan Dalam Pembelajaran Non-Formal	155
Profil Pelajar Dewasa	156
Jantina	156
Bangsa	158
Agama	160
Taraf Perkahwinan	162
Lokasi Tempat Tinggal	164
Umur	166
Tahap Pendidikan	170
Pekerjaan	172
Pendapatan	174
Sikap Terhadap Pembelajaran	176
Penghargaan Kendiri	177
Hubungan antara sikap terhadap pembelajaran dan penghargaan sendiri dengan penyertaan	179
Atribut pembelajaran	180
Kandungan	180
Kaedah	182
Penganjur	184
Tempat	185
Pembiaya	186

Bayaran	188
Peruntukan Masa	189
Tujuan	190
Impak	192
Masalah	193
Keputusan Fasa Kualitatif	195
Responden Kajian Kes	196
Penyertaan Orang Melayu Islam	197
Penyertaan Penduduk Luar Bandar	203
Agama Merupakan Kandungan Utama Bagi Pembelajaran Non-formal	208
Masjid Tempat Utama Bagi Pembelajaran Non-formal	214
Ringkasan	225
V	
RINGKASAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	227
Pengenalan	227
Ringkasan	227
Metodologi	229
Keputusan	231
Fasa Kuantitatif	231
Fasa Kualitatif	234
Kesimpulan	237
Perbincangan	237
Implikasi	246
Implikasi Kepada Teori	246
Implikasi Kepada Praktik	249
Kajian Akan Datang	253
BIBLIOGRAFI	256
LAMPIRAN	281
BIODATA PENULIS	297



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Perbezaan antara pembelajaran formal, non-formal dan informal	52
2	Penyertaan dalam pembelajaran dewasa di Australia berdasarkan umur	68
3	Penyertaan dalam pembelajaran di Masjid Abu Bakar Temerloh berdasarkan pekerjaan	72
4	Ringkasan literatur	100
5	Negeri terpilih mengikut zon	120
6	Daerah terpilih bagi setiap negeri	121
7	Bilangan sampel mengikut daerah	122
8	Ciri sosio-demografi responden bagi pembinaan instrumen	126
9	Nilai alpha Cronbach instrumen kajian	132
10	Interpretasi kekuatan Pekali Korelasi Pearson	138
11	Perbandingan penyertaan berdasarkan jantina	156
12	Perbandingan penyertaan berdasarkan bangsa	159
13	Perbandingan penyertaan berdasarkan agama	161
14	Perbandingan penyertaan berdasarkan taraf perkahwinan	162
15	Perbandingan penyertaan berdasarkan lokasi tempat tinggal	164
16	Perbandingan penyertaan berdasarkan kategori umur	167
17	Perbandingan penyertaan berdasarkan tahap pendidikan	170
18	Perbandingan penyertaan berdasarkan pekerjaan	172

19	Perbandingan penyertaan berdasarkan pendapatan	175
20	Penyertaan berdasarkan sikap terhadap pembelajaran	176
21	Penyertaan berdasarkan penghargaan sendiri	178
22	Hubungan antara sikap terhadap pembelajaran dan Penghargaan sendiri dengan penyertaan	179
23	Kandungan pembelajaran	181
24	Kaedah pembelajaran	183
25	Penganjur pembelajaran	184
26	Tempat pembelajaran	185
27	Pembiaya pembelajaran	187
28	Bayaran bagi pembelajaran	188
29	Peruntukan masa untuk pembelajaran	189
30	Tujuan penyertaan	190
31	Impak pembelajaran	192
32	Masalah pembelajaran	194
33	Ciri sosio-demografi responden kajian kes	196
34	Ringkasan keputusan mengikut persoalan kajian	236

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat



1	Era dewasa	33
2	Bentuk pembelajaran non-formal	46
3	Kerangka teoretikal	103
4	Perbandingan model gabungan Creswell dan Niglas	109
5	Kerangka kajian	116
6	Pembelajaran non-formal di Malaysia	245

SENARAI SINGKATAN

IPT	Institusi pengajian tinggi
NCVER	National Centre for Vocational and Education Research
NIACE	National Institute of Adult Continuing Education
UNESCO	United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia



BAB I

PENDAHULUAN

Bab ini memaparkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif, kepentingan, andaian, skop kajian dan diikuti dengan definisi istilah pada bahagian akhir bab.

Latar Belakang Kajian

Pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku sepanjang kehidupan manusia (Tylor, 2006; Mohd Azhar, Paimah dan Mohd Nasir, 2004; Illeris, 2003; Evans, 2003; Dominice, 2000; Livingstone, 2000, 2001; Mazanah dan Carter; 2000; Merriam dan Caffarella, 1999; Merriam dan Brockett, 1997; Ibrahim, 1992) bagi mendapat ilmu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran. Justeru itu, pembelajaran bukan sahaja suatu persediaan untuk kehidupan tetapi penting bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan (Harrison dan English, 2003) serta merupakan satu proses pembangunan insan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu untuk membina kesedaran dan nilai insaniah manusia (Mohd Idris, 1991). Oleh kerana pembelajaran sangat penting bagi mendapatkan ilmu pengetahuan,

kefahaman dan kemahiran, maka agama Islam menuntut seluruh umatnya mencari ilmu melalui wahyu pertama dalam surah Al-Alaq daripada Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W yang bermaksud:-

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu yang amat pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya.”

(Sumber: Al-Quran: Surah Al-Alaq: ayat 1-5)

Menurut Mashanizat (2000), perkataan ‘bacalah’ dalam maksud ayat di atas ditafsirkan sebagai satu perintah daripada Allah S.W.T supaya manusia sentiasa belajar atau mencari ilmu pengetahuan. Seterusnya, Mashanizat berpendapat perintah ini pada asalnya ditujukan oleh Allah S.W.T kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W semasa baginda masih hidup, tetapi selepas baginda wafat perintah tersebut ditujukan secara langsung kepada seluruh umat Nabi Muhammad S.A.W. Jika dihayati dengan mendalam perintah supaya belajar daripada Allah S.W.T melalui ayat suci di atas, perintah tersebut tidak terhad kepada kanak-kanak pada zaman persekolahan sahaja, malah ia juga merupakan satu arahan kepada orang dewasa. Bersesuaian dengan maksud ayat al-Quran di atas, Mazanah dan Carter (2000) menegaskan bahawa pembelajaran tidak seharusnya terbatas kepada pembelajaran pada peringkat kanak-kanak sahaja, malah merentasi



sehingga ke peringkat dewasa. Dalam konteks ini, Wan Rahimah (2005), menegaskan bahawa bagi mencapai kecemerlangan dalam kehidupan, pembelajaran sepanjang hayat adalah satu kemestian. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk membangunkan modal insan yang holistik (Kerajaan Malaysia, 2006) bersesuaian dengan konsep Islam Hadhari (Abd. Hamid, 2004).

Justeru itu, pembelajaran dewasa merupakan satu bentuk pembelajaran yang sangat penting (Ruud dan Preece, 2005) untuk menghadapi pelbagai perubahan serta merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat (Awang, 2002). Menurut Mohd Azhar et.al (2004) dan Zemaitaityte (2002), pembelajaran dewasa menyumbang kepada demokrasi, keadilan, pembangunan sosial serta kemajuan ekonomi bagi kemakmuran manusia sejagat. Ahmad Sarji (1991: 348) menjelaskan kepentingan pembelajaran dewasa daripada perspektif pembelajaran sepanjang hayat dengan menegaskan:-

“Pendidikan formal yang berakhir dengan sesuatu kelayakan belum menjamin kejayaan seseorang di masa akan datang. Keperluan untuk menjadikan seseorang komited terhadap pendidikan sebagai aktiviti sepanjang hayat tidak boleh dipertikaikan. Pendidikan berlaku secara formal dan informal, tetapi pada kebiasaannya pendidikan informal lebih mendatangkan kesan yang mendalam kepada kehidupan. Pembelajaran inilah yang mampu mengubah seseorang dari individu biasa kepada individu yang lebih cemerlang.”

